

Pas perlu hebah sendiri konsep negara Islam

UM 29 OCT 2001

KUANTAN 28 Okt. — Kementerian Penerangan tidak nampak wujud keperluan untuk membenarkan Pas memberikan penjelasan mengenai konsep negara Islam mengikut pandangan parti itu menerusi siaran televisyen.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, parti itu sepatutnya menggunakan cara sendiri untuk menghebahkan konsep negara Islam pada pandangannya, seperti yang dilakukan oleh UMNO.

“Ini adalah urusan parti, terpulanglah kepada mereka untuk memikirkan cara sendiri bagi memberi penjelasan seperti yang dilakukan oleh Presiden UMNO mengenai konsep negara Islam yang diwujudkan oleh kerajaan,” katanya selepas merasmikan Joghathon Sekolah Kebangsaan Galing di sini hari ini.

“Oleh itu saya tidak nampak sebab perlunya ada siaran langsung itu,” katanya.

Beliau diminta mengu-

las kenyataan Presiden Pas. Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu tidak akan menyerahkan memorandum mengenai konsep negara Islam yang sedang dirangka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad jika ia tidak diberi peluang menjelaskannya di Parlimen dan disiarkan secara langsung di televisyen.

Putar belit

Menurut Fadzil, tiada guna Pas mengemukakan memorandum itu jika konsep negara Islam mengikut persepsi Pas diputarbelitkan oleh akhbar dan media elektronik.

Fadzil dilaporkan berkata demikian dalam satu ceramah di Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah semalam.

Ditanya mengenai kebimbangan Fadzil bahawa kenyataannya akan diputarbelitkan oleh media sekiranya tiada siaran langsung diadakan, Khalil berkata alasan berkenaan tidak boleh diterima.

Beliau berkata, ini kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh ketua pembangkang itu dalam bentuk dokumen dan bukan lisan yang tidak membolehkan kenyataan itu diputarbelitkan.

“Sebenarnya, apa yang saya difahamkan, Pas tidak ada sebarang program ke arah itu.

“Dulu parti berkenaan minta kerajaan menjelaskan adakah negara ini negara Islam, kita sudah jawab dan jelaskan, hanya sekarang timbul untuk berunding semula,” katanya.

Beliau berkata, pada satu ketika pula, Pas enggan berjumpa dengan pemimpin-pemimpin UMNO untuk mengadakan perjumpaan.

Katanya, sikap berkenaan menunjukkan parti itu hanya bersedia untuk mengadakan perjumpaan dalam perkara-perkara tertentu sahaja.